



**BARISAN** pemain pasukan Todak yang kini mendahului Liga Futsal UMSKAL 2018.

# Pasukan Todak tangga teratas

► *Liga Futsal UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2018*

UB 4.10.2018 AII

**LABUAN:** Pasukan Todak berjaya mendahului Liga Futsal UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2018 yang bermula Selasa lalu di Gelanggang Futsal universiti itu.

Skuad yang diketuai Abdullah Manggul itu mengutip 4 mata selepas menewaskan pasukan Layaran 3-2 dan seri 3-3 dengan pasukan Paus.

Pada perlawanan terakhir Jumaat ini, pasukan Todak akan menentang pasukan Jerung yang belum mengutip sebarang mata.

Mengekor rapat di kedudukan kedua ialah pasukan Layaran yang melakar kemenangan besar 6-0 ke atas Jerung untuk mengumpul 3 mata.

Pasukan Paus pula berada di tempat ketiga dengan 1 mata selepas seri 3-3 dengan pasukan Todak.

Abdullah berharap pemain yang akan menggalas tugas berat Jumaat ini akan bermain lebih berhati-hati kerana lawan juga memerlukan kemenangan pertama mereka.

"Pasukan Todak bukan sahaja memerlukan tiga mata penuh tetapi perlu

menjaringkan lebih banyak gol untuk mengatasi lawan yang lain dalam Liga Futsal UMSKAL 2018," katanya.

Beliau yang mewakili Ketua Kontinen Todak, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim berharap semua pemain dalam pasukan itu akan memberikan sokongan moral kepada pemain futsal sekaligus mencatat kemenangan yang diharapkan.

Kejohanan Liga Futsal UMSKAL itu dianjurkan Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL yang diterajui Pegawai Belia dan Sukan, Ahmad Fadly Abd Rahman.